



Kata Alu-Aluan

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak sekolah atas usaha murni menerbitkan majalah sekolah bagi tahun 2025 ini. Majalah sekolah bukan sahaja menjadi wadah untuk merakamkan kenangan, malah turut berperanan sebagai medium penting dalam menyampaikan aspirasi pendidikan dan membudayakan ilmu dalam kalangan warga sekolah.

Tahun 2025 merupakan satu fasa penting dalam landskap pendidikan negara. Kita sedang berada dalam era di mana reformasi pendidikan menjadi tonggak utama ke arah melahirkan Generasi MADANI yang berdaya saing, berfikiran kritis, dan memiliki adab, akhlak dan sahsiah terpuji. Dalam konteks ini, kerjasama erat antara guru, murid, ibu bapa dan komuniti amatlah diperlukan untuk merealisasikan hasrat ini.

Majalah sekolah ini menjadi cerminan usaha sekolah dalam mendidik dan melahirkan insan yang holistik dalam aspek akademik, kokurikulum, dan sahsiah. Saya percaya, setiap artikel, gambar, dan kisah yang dimuatkan dalam majalah ini adalah hasil kerja keras, komitmen, dan kreativiti warga sekolah. Ini menjadi bukti bahawa potensi generasi muda kita amatlah besar dan perlu terus digilap.

Saya menyeru agar warga sekolah terus berusaha gigih dalam menjayakan agenda pendidikan negara. Besar harapan saya agar semua murid menjadikan pendidikan sebagai kunci kejayaan dalam hidup. Teruskanlah menimba ilmu, amalkan nilai-nilai murni, dan menghargai jasa guru yang tidak pernah jemu mendidik.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan majalah ini. Semoga ia menjadi inspirasi dan rujukan berharga kepada seluruh warga sekolah serta generasi masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

DATUK HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN